

# Tunggu bicara kes 1MDB selesai sebelum saman AS\$8 bilion

**KUALA LUMPUR:** Tuntutan saman AS\$8 bilion yang dikemukakan oleh 1Malaysia Development Berhad (1MDB) terhadap Datuk Seri Najib Tun Razak dan beberapa pihak lain hanya akan dimulakan di Mahkamah Tinggi selepas semua perbicaraan jenayah melibatkan 1MDB, dide-ngar dan dilupuskan.

Persetujuan itu dicapai oleh pihak 1MDB selaku plaintif dan bekas Perdana Menteri serta tujuh yang lain selaku defendan-defendan selepas sesi pengurusan kes di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman Atan Mustaffa Yusof Ahmad di sini, semalam.

Peguam, Tan Sri Dr. Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib ketika ditemui media berkata, kedua-dua pihak bersetuju agar perbicaraan tuntutan saman itu tidak akan didengar sehingga perbicaraan jenayah di Mahkamah Tinggi, selesai.

Beliau memberitahu, mahkamah bagaimanapun meminta kedua-dua pihak memfailkan pembelaan masing-masing dan permohonan interlokutori sebagai persediaan sebelum bicara kes saman bermula.

Sementara itu, Datuk D.P Naban yang mewakili 1MDB ketika ditemui pihak media turut mengesahkan perkara itu.

Semalam, mahkamah dijadualkan mendengar permohonan Najib untuk menggantung prosiding saman sivil AS\$8 bilion oleh 1MDB.

Bagaimanapun, permoho-



**NAJIB TUN RAZAK**

nan penggantungan itu ditarik balik selepas kedua-dua pihak berbalah bersetuju perbicaraan tidak akan dimulakan buat masa ini.

Saman AS\$8 bilion itu adalah salah satu daripada 22 saman sivil yang difailkan bagi menuntut lebih AS\$23 bilion terhadap beberapa individu yang didakwa terlibat dalam skandal kewangan melibatkan 1MDB.

Pada 7 Mei 2021, writ saman itu pada asalnya difailkan oleh 1MDB dan empat anak syarikat kepada 15 defendan termasuk bekas Perdana Menteri.

Empat anak syarikat itu ialah 1MDB Energy Holdings Limited, 1MDB Energy Limited, 1MDB Energy (Langat) Limited dan Global Diversified Investment Company Limited, atau lebih dikenali sebagai 1MDB Global Investments Limited.